

**D.R. 47/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

**Pindaan seksyen 3**

**2.** Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [Akta 589], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 3—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “jawatankuasa” takrif yang berikut:

‘“ketua pegawai eksekutif” ertinya ketua pegawai eksekutif Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 20;’;

- (b) dalam takrif “Pengerusi”, dengan menggantikan perkataan “perenggan 6(a)” dengan perkataan “perenggan 6(1)(a)”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Pengerusi” takrif yang berikut:
  - ‘“sistem komunikasi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588];’.

### **Penggantian seksyen 6**

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Keanggotaan Suruhanjaya**

- 6.** (1) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:
  - (a) seorang Pengerusi;
  - (b) tiga orang anggota yang mewakili Kerajaan Persekutuan, yang salah seorang anggota hendaklah merupakan Ketua Setiausaha bagi Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi komunikasi dan multimedia; dan
  - (c) tidak kurang daripada dua orang tetapi tidak lebih daripada tujuh orang anggota lain yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam perkara yang berhubungan dengan komunikasi dan multimedia, kewangan, kejuruteraan, perdagangan, perundangan, ekonomi, pentadbiran awam, persaingan, perlindungan pengguna, sains sosial atau apa-apa kelayakan lain yang bersesuaian sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.
- (2) Anggota Suruhanjaya tidak boleh menjadi pekerja Suruhanjaya.”.

### **Seksyen baharu 14A**

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 14 seksyen yang berikut:

#### **“Pemberhentian pelantikan Pengerusi**

**14A.** Dalam keadaan Pengerusi, kerana apa-apa sebab, tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia atau tidak dapat melaksanakan tugas jawatannya selama enam bulan berturut-turut tanpa kebenaran Menteri, Menteri hendaklah melantik orang lain untuk menjadi Pengerusi mengikut Akta ini dan setelah pelantikan itu, Pengerusi sebelumnya adalah terhenti daripada menjadi anggota Suruhanjaya.”.

### **Pindaan seksyen 16**

5. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (1)(i); dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (1)(i) perenggan yang berikut:

“(ia) membangun dan mengawal selia piawaian atas infrastruktur dan platform yang akan menggalakkan saling kendali, kepercayaan dan memacu pembangunan industri komunikasi dan multimedia dan ekonomi Malaysia yang lebih luas;

(ib) membangun dan mengawal selia piawaian berkenaan dengan keselamatan, perlindungan keselamatan, integriti dan keutuhan aset maklumat, rangkaian komunikasi dan perkhidmatan yang disediakan melalui rangkaian komunikasi;

(ic) mengkaji semula atau mengaudit apa-apa maklumat yang dikehendaki untuk diberikan oleh pemegang lesen atau mana-mana orang lain yang memberikan perkhidmatan berhubung dengan sistem komunikasi kepada Suruhanjaya;

(id) mengaudit atau menyebabkan supaya diaudit aktiviti mana-mana pemegang lesen atau mana-mana orang lain yang memberikan perkhidmatan berhubung dengan sistem komunikasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan”.

### **Pindaan seksyen 17**

**6.** Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(c), dengan menggantikan perkataan “dan” dengan perkataan “atau”; dan
- (b) dalam perenggan (1)(d), dengan menggantikan perkataan “ketua eksekutif” dengan perkataan “ketua pegawai eksekutif”.

### **Pindaan seksyen 18**

**7.** Seksyen 18 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

- “(3) Tiap-tiap arahan Menteri hendaklah didaftarkan oleh Suruhanjaya secepat yang dapat dilaksanakan.
- (4) Sesuatu arahan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pendaftaran atau pada suatu tarikh selepas itu yang boleh dinyatakan oleh Menteri dalam arahan itu.
- (5) Sesuatu arahan hendaklah habis tempoh pada tarikh yang boleh dinyatakan oleh Menteri dalam arahan itu atau, jika tiada tarikh dinyatakan, arahan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga arahan itu dibatalkan.
- (6) Menteri boleh pada bila-bila masa mengubahsuai, mengubah atau membatalkan suatu arahan, yang tatacara yang dinyatakan dalam subseksyen (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berkenaan dengan apa-apa pengubahsuian, perubahan atau pembatalan suatu arahan.”.

### **Seksyen baharu 18A**

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

#### **“Daftar semua perkara**

**18A.** (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggara suatu daftar, dalam kedua-dua bentuk fizikal dan media elektronik, semua perkara yang dikehendaki untuk didaftarkan di bawah Akta ini dan perundangan subsidiarinya.

(2) Seseorang boleh, apabila dibayar fi, jika ada, yang dikenakan oleh Suruhanjaya—

(a) memeriksa daftar itu; dan

(b) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, daftar itu.

(3) Jika seseorang meminta supaya suatu salinan diberikan dalam media elektronik, Suruhanjaya boleh memberikan maklumat yang berkaitan itu—

(a) dengan menggunakan peranti pemproses data; atau

(b) melalui penghantaran elektronik.”.

### **Penggantian seksyen 20**

9. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 20 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Ketua pegawai eksekutif**

**20.** (1) Menteri hendaklah, atas syor Suruhanjaya, melantik seorang ketua pegawai eksekutif atas apa-apa terma dan syarat, dan yang hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun, yang difikirkannya patut.

(2) Ketua pegawai eksekutif—

(a) hendaklah merupakan seorang pekerja Suruhanjaya;

- (b) bukan ahli mana-mana badan perundangan; dan
  - (c) hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tiga tahun, dan hendaklah layak dilantik semula.
- (3) Ketua pegawai eksekutif boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Suruhanjaya dan Menteri.
- (4) Ketua pegawai eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan kuasa Suruhanjaya dan aktiviti dan hal ehwal hari ke hari Suruhanjaya.
- (5) Ketua pegawai eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Suruhanjaya.
- (6) Ketua pegawai eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dan Suruhanjaya, dari semasa ke semasa.
- (7) Dalam menunaikan kewajipannya, ketua pegawai eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa am dan arahan Suruhanjaya.”.

## **Pindaan seksyen 21**

**10.** Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota buku, dengan menggantikan perkataan “**ketua eksekutif**” dengan perkataan “**ketua pegawai eksekutif**”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “**ketua eksekutif**” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “**ketua pegawai eksekutif**”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “**Pengerusi**” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “**ketua pegawai eksekutif**”.

### **Pindaan seksyen 23**

**11.** Seksyen 23 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan mengenai” dengan perkataan “menentukan”.

### **Pindaan seksyen 38**

**12.** Perenggan 38(2)(c) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “lesen”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “levi” perkataan “, penalti kewangan.”.

### **Pindaan seksyen 45**

**13.** Seksyen 45 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima juta” dengan perkataan “sepuluh juta”.

### **Seksyen baharu 51A**

**14.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 51 seksyen yang berikut:

#### **“Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang**

**51A.** (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain terhadap—

- (a) Suruhanjaya;
- (b) mana-mana anggota, jawatankuasa, pekerja dan ejen Suruhanjaya; atau

(c) mana-mana orang lain yang bertindak secara sah bagi pihak atau dengan mematuhi arahan Suruhanjaya,

bagi atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, atau yang berupa untuk dilakukan atau dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau pada melaksanakan, atau yang bermaksud untuk melaksanakan, undang-undang komunikasi dan multimedia, atau apa-apa surat cara, garis panduan, maklumat atau perkara lain yang dikeluarkan di bawah undang-undang komunikasi dan multimedia, jika perbuatan atau pernyataan itu dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

(2) Subseksyen (1) hendaklah menjadi tambahan kepada, dan bukan pengurangan bagi, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, dan bagi maksud Akta itu, tiap-tiap orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai pegawai awam atau seseorang yang terlibat atau yang diambil kerja bagi pelaksanaan suatu kewajipan awam.”.

### **Seksyen baharu 53A**

**15.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 53 seksyen yang berikut:

#### **“Kuasa Suruhanjaya untuk menyiar maklumat**

**53A.** Suruhanjaya boleh, jika difikirkannya perlu atau suai manfaat demi kepentingan awam dalam apa-apa bentuk atau cara yang difikirkannya patut, menyiar maklumat berhubung dengan—

- (a) pemberian, peluputan, pembatalan atau penggantungan suatu kelulusan, lesen atau pengecualian yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang komunikasi dan multimedia kepada mana-mana orang;
- (b) pengeluaran apa-apa arahan, garis panduan, penentuan, keputusan atau apa-apa instrumen perundangan di bawah mana-mana undang-undang komunikasi dan multimedia;

- (c) apa-apa tindakan sivil yang diambil di bawah mana-mana undang-undang komunikasi dan multimedia;
- (d) pengkompaunan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang komunikasi dan multimedia; atau
- (e) apa-apa prosiding sivil atau jenayah yang dibawa—
  - (i) di bawah mana-mana undang-undang komunikasi dan multimedia terhadap mana-mana orang dan keputusan prosiding itu, termasuk apa-apa penyelesaian, sama ada di dalam atau di luar mahkamah; atau
  - (ii) di bawah mana-mana undang-undang lain, sama ada undang-undang Malaysia atau undang-undang mana-mana wilayah atau negara di luar Malaysia, terhadap mana-mana orang dan keputusan prosiding itu, termasuk apa-apa penyelesaian, sama ada di dalam atau di luar mahkamah.”.

### **Peruntukan kecualian dan peralihan**

**16.** (1) Mana-mana arahan oleh Menteri yang diberikan kepada Suruhanjaya di bawah seksyen 18 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, terus berkuat kuasa hingga diubahsuaikan, diubah atau dibatalkan.

(2) Pengerusi hendaklah terus menjalankan segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan dan obligasi dan menanggung semua liabiliti, yang berhubungan dengan jawatannya sebagai ketua eksekutif sehingga ketua pegawai eksekutif dilantik di bawah seksyen 20 Akta ibu sebagaimana yang dipinda dalam seksyen 9 Akta ini.

(3) Segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, obligasi atau liabiliti Pengerusi yang berhubungan dengan jawatannya sebagai ketua eksekutif hendaklah terhenti apabila ketua pegawai eksekutif dilantik di bawah seksyen 20 Akta ibu sebagaimana yang dipinda dalam seksyen 9 Akta ini.

(4) Walau apa pun peruntukan Akta ini, anggota Suruhanjaya yang memegang jawatan sebelum seksyen 3 Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah terus memegang jawatan sehingga tamat tempoh jawatan mereka.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (“Akta 589”). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk membuat perubahan kepada komposisi Suruhanjaya, untuk memperluas fungsi Suruhanjaya, untuk mengadakan peruntukan bagi pengasingan peranan Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif, untuk meningkatkan nilai wang bagi kontrak yang boleh dibuat oleh Suruhanjaya dan perkara lain yang berkaitan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan termasuk kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 589 untuk memasukkan takrif baharu “ketua pegawai eksekutif” dan “sistem komunikasi” dan untuk meminda takrif sedia ada “Pengerusi”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 589 mengenai komposisi keanggotaan Suruhanjaya—

(a) untuk memperuntukkan bahawa hendaklah terdapat tiga orang anggota yang mewakili Kerajaan Persekutuan yang salah seorang daripadanya hendaklah Ketua Setiausaha bagi Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi komunikasi dan multimedia;

(b) untuk menaikkan bilangan maksimum anggota lain daripada lima kepada tujuh anggota;

- (c) untuk memperuntukkan bahawa anggota lain yang dilantik hendaklah seseorang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam perkara yang berhubungan dengan komunikasi dan multimedia, kewangan, kejuruteraan, perdagangan, perundangan, ekonomi, pentadbiran awam, persaingan dan perlindungan pengguna, sains sosial atau apa-apa kelayakan lain yang sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri; dan
- (d) untuk memperuntukkan bahawa anggota Suruhanjaya hendaklah bukan merupakan pekerja Suruhanjaya.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 14A ke dalam Akta 589 untuk mengadakan peruntukan bagi pemberhentian perlantikan Pengerusi iaitu jika Pengerusi dengan apa-apa sebab tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia atau tidak dapat melaksanakan tugas jawatannya selama enam bulan berturut-turut tanpa kebenaran Menteri, Menteri hendaklah melantik orang lain untuk menjadi Pengerusi mengikut Akta 589 dan selepas perlantikan itu, Pengerusi sebelumnya adalah terhenti daripada menjadi ahli Suruhanjaya.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 589 untuk memperluas fungsi Suruhanjaya.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 589 untuk mengadakan peruntukan bagi keperluan bahawa setiap arahan Menteri hendaklah didaftarkan oleh Suruhanjaya, tarikh kuat kuasa dan tarikh habis tempoh arahan Menteri itu dan kuasa Menteri untuk mengubah, mengubahsuai atau membatalkan arahan itu.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 18A ke dalam Akta 589 untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan pendaftaran arahan Menteri dan keperluan untuk menyenggara suatu daftar dalam kedua-dua bentuk fizikal dan media elektronik.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk menggantikan seksyen 20 Akta 589 untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan, peletakan jawatan dan bayaran saraan dan elauan ketua pegawai eksekutif berikutan pengasingan peranan Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa tugas ketua pegawai eksekutif termasuklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

10. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 589 untuk memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh menentukan syarat perkhidmatan pekerjanya. Pada masa kini, Suruhanjaya mesti mendapatkan kebenaran Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan pekerjanya.

11. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 589 untuk membolehkan penalti kewangan dibayar ke dalam Kumpulan Wang.

12. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 45 Akta 589 untuk menaikkan had nilai kontrak yang boleh dibuat oleh Suruhanjaya tanpa keperluan untuk mendapatkan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, daripada tidak melebihi lima juta ringgit kepada tidak melebihi sepuluh juta ringgit.
13. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 51A ke dalam Akta 589 untuk memberi perlindungan kepada Suruhanjaya dan yang lain-lain terhadap mana-mana prosiding guaman dan undang-undang yang dilakukan dengan suci hati.
14. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 53A ke dalam Akta 589 untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk menyiar maklumat mengenai perkara-perkara tertentu termasuk mana-mana prosiding sivil atau jenayah yang diambil oleh Suruhanjaya dan kompaun yang dikeluarkan.
15. *Fasal 16* memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.
16. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3000]